

Sinar 30/1/2011 N 8.

**NUR AMALINA ZURHAN (PELATIH UITM)**

**K**ITA bukan saja perlu berhati-hati dengan jenayah jalanan seperti ragut, malah harus waspada dengan satu lagi taktik penjenayah iaitu langgar dan samun.

Taktik itu fokus kepada individu yang sedang memandu kenderaan. Ketika leka memandu, anda mungkin tidak sedar sebagai sasaran mangsa samun lalu diekori dan diintip oleh kumpulan itu.

Sehubungan itu, Modus Operandi minggu ini mengupas mengenai jenayah berkenaan.

Modus operandi yang kerap dilakukan penyamun dalam kes sebegini ialah, kumpulan itu dengan sengaja melanggar belakang kenderaan kita yang disasarkan menjadi mangsa terutama sekiranya kita baru saja selesai proses pengeluaran bank. Kita mungkin diintip bermula daripada bank terbabit.

Setelah berlaku pelanggaran itu, penjenayah sama ada secara individu atau berkumpulan akan menggunakan pelu-ang untuk menyamun mangsa.

Seperti lazim didedahkan media, kum-

pulan ini ada ketikanya bersenjata malah mencederakan mangsa terutama sekiranya individu berkenaan melawan.

Berikut pengalaman ngeri dua wanita yang menjadi mangsa 'langgar dan samun' oleh tiga lelaki, ketika dalam perjalanan pulang ke rumah.

Plot kejadian bermula, apabila kenderaan mangsa dilanggar dan mereka kemudian memberhentikan kereta di sebelah kiri bahu jalan.

Tiga lelaki dalam kereta yang melanggar itu juga turun dan berpura-pura untuk berunding.


Bagaimanapun mangsa tiba-tiba ditolak ke dalam longkang berhampiran, sebelum seorang lelaki tadi menghunuskan sebilah pisau. Tidak cukup itu seorang daripada mereka pula ditumbuk di mata.

Akibatnya, mangsa yang ketakutan menyerahkan semua barang kemas, wang dan telefon bimbit.

Kes langgar dan samun ini begitu mengerikan kepada kaum wanita kerana selain dcederakan, penjenayah juga bertindak ganas dengan melakukan serangan seksual seperti rogol dan cabul.

liti untuk merompak mangsa di jalan raya yang kerap dilalui mangsa.

- Contohnya sekiranya seseorang pelajar yang kerap keluar membuat tugas berkumpulan sambil



# LANGGAR DAN SAMUN

Berkaitan kes ini, ia diklasifikasikan mengikut:

1. **Seksyen 395 Kanun Keseksaan**
  - a. Rompakan berseorangan dan rompakan berkumpulan

## 2. Seksyen 397 kanun Keseksaan

- Rompak dengan bersenjata
- Menyebabkan kematian atau cedera parah, atau
- Cuba menyebabkan kematian atau cedera parah

Mengikut seksyen ini, seseorang pelakunya boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan.

### Sasaran utama

- Jumlah mangsa dikenal pasti seorang atau lebih.
- Golongan wanita
- Pelanggan bank
- Memandu kereta mewah

### Taktik langgar dan samun

Terdapat dua taktik yang biasa digunakan:

#### 1. Terancang

- Suspek sering berkeliaran di kawasan sasaran dan memerhatikan mangsa. Contohnya di kawasan perumahan atau berhampiran bank.
- Mangsa dipantau dari masa ke masa lalu diekori dan dilanggar dengan sengaja.
- Suspek membuat perancangan te-

membawa senjata riba. Suspek akan sengaja melanggar kereta mangsa dan apabila mangsa keluar untuk melihat keadaan pelanggaran, di situlah peluang suspek untuk bertindak.

- Suspek sering melakukan jenayah itu di kawasan sunyi dan ketika kurang kenderaan untuk memudahkan mereka melarikan diri.
- Kadang kala, suspek menggunakan senjata seperti pisau dan parang ketika mengugut mangsa.

#### 2. Tidak terancang

- Taktik ini biasa digunakan penyamun yang terdesak demi wang seperti penagih dadah, penjudi mahupun kaki botol.
- Tiada perancangan teliti.
- Suspek selalunya memerhatikan mangsa daripada jauh.
- Tempat sering menjadi sasaran ialah kawasan sunyi dan gelap.
- Memilih mangsa yang memandu bersendirian atau hanya dengan seorang penumpang.
- Kebiasaan mangsanya golongan wanita.
- Suspek dengan sengaja melanggar kenderaan mangsa, kebiasaannya daripada belakang, lalu menyuruh mangsa memberhentikan kenderaan.

● Gambar hiasan : penyamun bertopeng dan bersenjata tajam



Sinor 30/1/2011 N9.

## Penyumbang jenayah samun

### 1. Sikap masyarakat.

Masyarakat tidak memberi perhatian terhadap aspek keselamatan mereka malah ramai antara kita suka bergaya dengan pakaian dan kereta mewah tanpa berfikir bahawa tingkah lalu itu mencuri perhatian penjenayah. Begitu juga sikap kita cuai untuk menjaga keselamatan kita ketika keluar bersendirian.

### 2. Keadaan ekonomi dunia

Kegawatan ekonomi yang teruk menyebabkan kilang dan syarikat di negara ini terpaksa membuang pekerja kerana kekurangan permintaan terhadap produk secara drastik. Ketidakupayaan pekerja yang dibuang itu mencari kerja lain

dalam masa singkat mendorong mereka melakukan jenayah seperti ini demi memenuhi keperluan hidup. Sehubungan itu tidak hairanlah sekiranya jenayah seperti ini kerap dilakukan penganggur.

### 3. Kegagalan langkah pencegahan efektif.

Kekurangan kamera litar tertutup di kawasan berisiko tinggi menyebabkan jenayah ini berleluasa terutama pada waktu malam dan di kawasan sunyi.

### 4. Kurang didikan agama

Kurang didikan agama menyebabkan seseorang diri rapuh tahanan diri dan iman supaya tidak terjebak jenayah kerana tiada rasa takut kepada balasan Tuhan terhadap perbuatan itu.



● Kereta dilanggar dari belakang dan kemudian ditinggalkan begitu sahaja.

## Elak jadi mangsa seterusnya

- Jangan pulang bersendirian dan kalau boleh carilah teman menemani anda pulang ke rumah terutama pada waktu malam.
- Berwaspada sekiranya diekori orang tidak dikenali.
- Rancang perjalanan anda dan elak melalui tempat gelap atau sunyi.
- Elakkan dari memakai barang kemas atau membawa banyak wang tunai.
- Jangan letak barang berharga seperti beg tangan di tempat duduk sebelah kiri jika memandu seorang.
- Berhati-hati dengan kenderaan mencurigakan.
- Sentiasa waspada ketika menuju ke kereta di tempat letak kereta yang terbuka. Tindakan anda sekiranya berdepan situasi
- Tenang.
- Jangan bertindak sekiranya perompak mempunyai senjata.
- Bunyikan alat penggera untuk menarik perhatian orang lain terutama yang berhampiran kawasan kejadian.
- Perhati gerak-geri perompak seperti perwatakan, air muka, pakaian, tingkah laku dan ciri-ciri fizikal lain kerana dapat membantu polis mengesan perompak berkenaan.
- Sekiranya berlaku pelanggaran, jangan berhenti sebaliknya terus pandu kereta hingga ke kawasan terang dan ramai orang atau ke balai polis berhampiran.
- Perhatikan juga arah dan cara perompak itu melarikan diri. Rekodkan nombor pendaftaran, warna kenderaan, dan jenis kenderaan.
- Hubungi polis di nombor 999 atau hubungi Balai Polis berdekatan dengan segera.



● Suspek biasanya guna modus operandi dengan langgar belakang kereta mangsa.



● Suspek biasanya guna modus operandi dengan memecah cermin kereta mangsa.

## Usaha banteras

### 1. Peranan keluarga

Ibu bapa perlu bijak mendidik anak agar tidak terjerumus dalam gejala jenayah seperti ini, pada masa sama tidak bersikap sambil lewa terhadap pengajaran aspek keselamatan diri ketika di luar rumah.

### 2. Konsep bandar dan pekan selamat.

Pengawasan rapi daripada pihak seperti Rela, Rukun Tetangga, polis dan sebagainya dalam usaha memastikan kawa-

san terbabit bebas daripada kes jenayah dapat menakutkan penjenayah.

### 3. Bantuan alat teknologi.

Kamera litar tertutup boleh dipasang sebagai langkah berjaga-jaga kerana dapat menjadi bukti apabila sesuatu kes jenayah berlaku di kawasan berpotensi.

### 4. Memperkasakan ekonomi negara.

Dengan usaha kerajaan ini, mening-

katkan peluang pekerjaan yang dapat membendung seseorang penganggur melakukan jenayah.

### 5. Nilai murni

Terapkan nilai-nilai murni, pelajaran sivik dan kekuatan agama dalam diri untuk mengelakkan diri terjebak jenayah.

**Mencegah lebih baik daripada mengubati!**